

**PEMAKLUMAN AWAL BERKAITAN  
PROSES BAGI “PELAJAR BERKEPERLUAN” UNTUK MEMASUKI KAMPUS PADA  
SEMESTER 2, SESI AKADEMIK 2020/2021 (MULAI 1 MAC 2021)**

Selaras dengan inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi memastikan keperluan program pengajian pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) berjalan dengan sempurna walaupun berhadapan dengan cabaran pandemik COVID-19, Universiti Malaya telah menjadualkan pergerakan masuk pelajar di bawah **enam (6) kategori “Pelajar Berkeperluan”** berdasarkan klasifikasi yang ditetapkan oleh KPT seperti berikut **untuk pulang dan memasuki kawasan kampus** bagi mengikuti **PdP** secara hibrid (secara fizikal dan secara dalam talian) pada **Semester 2, Sesi Akademik 2020/2021 mulai 1 Mac 2021 hingga 4 Mac 2021 (tarikh pelajar dibenarkan masuk ke kampus akan ditetapkan oleh BHEP) :**

KATEGORI	TAKRIFAN
1	Pelajar dari program pengajian sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pasca Siswazah yang memerlukan <b>praktikal, makmal, klinikal, latihan amali, studio, bengkel dan peralatan khas.</b>
2	Pelajar yang <b>tidak mempunyai akses dan persekitaran tidak kondusif</b> bagi melaksanakan PdP dalam talian.
3	<b>Pelajar Asasi atau Setaraf atau Diploma yang sedia ada di kampus</b> boleh meneruskan pembelajaran secara hibrid.
4	Semua <b>pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu</b> kecuali dari United Kingdom.
5	Pelajar Berkeperluan Khas ( <b>OKU</b> ).
6	Pelajar yang <b>menduduki peperiksaan Malaysia University English Test (MUET), antarabangsa dan badan profesional.</b>

**ARAHAN PENTING:**

Pelajar diminta supaya mengambil maklum perkara-perkara berikut berkaitan proses kemasukan secara fizikal ke kampus:

1. Akademi/Fakulti/Institusi/Pusat akan mengenal pasti dan menentukan pelajar yang berada di bawah enam (6) kategori “Pelajar Berkeperluan”. Pelajar diminta untuk berhubung terus dengan Akademi/Fakulti/Institusi/Pusat masing-masing bagi tujuan semakan status perkara ini.
2. Surat Kelulusan dan Kebenaran Memasuki Kampus kepada pelajar hanya akan dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP).
3. Tarikh kemasukan ke kampus akan ditetapkan oleh BHEP. Pelajar dikehendaki memasuki kampus hanya pada tarikh yang dinyatakan.
4. Semua “Pelajar Berkeperluan” yang dibenarkan memasuki kampus wajib menjalani saringan kesihatan oleh Klinik Kesihatan Universiti Malaya (KKUM) dan pengasingan selama sepuluh (10) hari di Pusat Pengasingan Terpusat (PPT) yang akan disediakan oleh pihak BHEP.

5. Tarikh penting berkaitan perkara ini untuk rujukan dan persediaan awal di peringkat pelajar adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	TARIKH	TINDAKAN
1	Pemakluman Kelulusan dan Kebenaran Memasuki Kampus kepada "Pelajar Berkeperluan" melalui e-mel rasmi covid19_bhep@um.edu.my	19 - 21 Februari 2021 *pemakluman akan dibuat secara berperingkat.	BHEP
2	Pendaftaran Masuk Pelajar secara Fizikal dan Menjalani Proses Saringan/Pengasingan	1 - 4 Mac 2021 *kemasukan pelajar secara berperingkat.	BHEP & KKUM

6. BHEP akan menyediakan penginapan di Kolej Kediaman (KK) bagi "Pelajar Berkeperluan" yang tidak mendapat penempatan di dalam kampus pada Semester 1, Sesi Akademik 2020/2021 dan belum mempunyai rumah sewa di luar kampus. Penempatan pelajar di KK akan ditetapkan oleh pihak BHEP tertakluk kepada kekosongan semasa.
7. BHEP akan membatalkan atau "*withdraw*" penginapan pelajar yang telah mendapat penempatan di KK sebelum ini tetapi tidak tersenarai di bawah kategori "Pelajar Berkeperluan" bagi Semester 2, Sesi Akademik 2020/2021. **Pelajar tidak dibenarkan untuk memasuki kawasan kampus** dan yuran penginapan tidak akan dikenakan.

Pelajar dikehendaki mematuhi ketetapan ini sepenuhnya dan dibaca bersama dengan sebarang arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Malaya (UM) dari semasa ke semasa.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi JK COVID-19 BHEP ditalian seperti berikut:

#### **BILIK GERAKAN COVID-19 BHEP**

No. Telefon : 03-7967 3216

E-mel : covid19\_bhep@um.edu.my

Laman Web : hep.um.edu.my >> COVID-19 BHEP

Waktu Operasi : 8.00 pagi - 5.00 petang (Isnin - Jumaat)

\*Pejabat Tutup pada hari Sabtu, Ahad dan Cuti Umum

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

#### **BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR UNIVERSITI MALAYA**

Dikeluarkan pada : 5 Februari 2021

---

Dikeluarkan oleh:  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP)  
Aras 2 Blok E, Kompleks Perdanasiswa  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur  
Tel: +603-7967 3506 | E-mel: hep@um.edu.my